



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
PROGRAM INSPIRASI WANITA: MENJEJAK POTENSI
MENGHARGAI DEDIKASI**

**14 APRIL 2026 (SELASA) | 25 SYAWAL 1447H | 4.00 PETANG
HOTEL IDEAS, KUALA LUMPUR**

Kemas kini 13 April 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam **Program Inspirasi Wanita: Menjejak Potensi Menghargai Dedikasi** bagi meraikan tokoh-tokoh wanita yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi serta kepimpinan yang cemerlang sepanjang pelaksanaan program PERANTIS tahun 2025.

2. Di kesempatan ini juga, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang hadir. Semoga kehadiran kita pada hari ini menjadi tanda syukur dan semangat baharu dalam meneruskan perjuangan memartabatkan wanita negara.

3. Program **PERANTIS** telah mula dilaksanakan pada tahun 2024, selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri sempena **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024**. Saya melihat inisiatif ini sebagai satu langkah yang amat bermakna dalam usaha kita memperkasa kepimpinan wanita, khususnya melalui bimbingan, pendedahan dan perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh wanita yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.

4. Program PERANTIS juga adalah sejajar dengan **dua (2) strategi utama di bawah bidang keutamaan kepimpinan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030**, iaitu untuk membangunkan barisan pemimpin pelapis merentasi pelbagai sektor serta meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dengan matlamat melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang berkualiti dan mampu memberi impak signifikan kepada perubahan sosial masyarakat.

5. Kita mahu melihat lebih ramai wanita menyerlah dalam bidang masing-masing dan berani melangkah ke peringkat kepimpinan dan pembuat keputusan. Oleh itu, PERANTIS diwujudkan sebagai ruang untuk mempertemukan tokoh wanita yang telah berjaya dengan wanita yang berpotensi menjadi pelapis yang memerlukan bimbingan, supaya pengalaman, ilmu dan kepakaran dapat dikongsi, dan seterusnya membina rangkaian sokongan yang lebih kukuh dalam kalangan wanita.

Hadirin sekalian,

6. Alhamdulillah, kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 amat memberangsangkan. Seramai **1,247 peserta telah menerima bimbingan daripada 25 tokoh wanita** dalam 10 bidang utama, meliputi kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan. PERANTIS diteruskan pada tahun 2025 dengan **peruntukkan RM 5 juta**, melibatkan **100 tokoh wanita dan 4,129 peserta**.

7. Insya-Allah, pada tahun ini, PERANTIS akan terus menjadi antara program utama kementerian dalam memperkukuh kepimpinan wanita di negara ini. Dengan peruntukan **RM 4 juta**, program ini menyasarkan penglibatan **80 tokoh wanita dan 4,000 peserta**.

PERANAN WANITA DALAM KEPIMPINAN

Hadirin yang dihormati,

8. Dalam dunia yang semakin mencabar, peranan wanita dalam kepimpinan semakin diiktiraf sebagai kekuatan penting untuk membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 yang bertemakan "*Melakar Semula Pembangunan*", Malaysia terus memperkasa penyertaan wanita merentasi pelbagai sektor — dalam jawatan pembuat keputusan,

dalam ekonomi melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan, serta dalam ekonomi penjagaan bagi meringankan beban penjagaan.

9. Di peringkat serantau, semangat ini selari dengan aspirasi ASEAN yang mengiktiraf penglibatan wanita dalam kepimpinan sebagai tonggak pembangunan mampan dan kestabilan sosial. Dalam konteks inilah wanita harus dilihat sebagai agen perubahan yang membentuk dasar awam, memacu inovasi dan memperkukuh daya tahan komuniti.

10. Sehubungan dengan itu, program seperti PERANTIS ini menjadi sangat signifikan dalam membina kapasitas kepemimpinan wanita serta memperluas peluang mereka untuk tampil sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang.

MENJEJAK POTENSI MENGHARGAI DEDIKASI

Para hadirin yang dikasihi,

11. Tema “**Menjejak Potensi, Menghargai Dedikasi**” ini amat bertepatan dengan semangat PERANTIS. Melalui inisiatif ini, kita dapat melihat potensi telah digilap, pengalaman dikongsi dan jaringan sokongan dikukuhkan. Lebih membanggakan, komitmen yang ditunjukkan sepanjang program ini membuktikan bahawa wanita berupaya memikul tanggungjawab kepimpinan dengan cemerlang, serta mampu menjadi sumber inspirasi kepada lebih ramai wanita untuk melangkah ke hadapan dengan yakin.

12. Walau bagaimanapun, dalam kerancangan melaksanakan program, saya ingin mengingatkan bahawa **dana, sokongan dan peluang yang disalurkan menerusi program PERANTIS datang bersama amanah yang besar.** Segala kemudahan yang diberikan perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya demi pembangunan diri, pengukuhan organisasi dan manfaat kepada komuniti yang kita santuni.

13. Pemimpin yang berwibawa tidak hanya dinilai melalui pencapaian, tetapi juga melalui kejujuran, ketelusan dan rasa tanggungjawab dalam setiap tindakan. Oleh itu, kita semua memikul tanggungjawab untuk **memastikan setiap bentuk sokongan yang diterima diurus dengan penuh integriti, secara berhemah dan selaras dengan matlamat program yang telah ditetapkan.**

14. Akhir kata, tahniah kepada semua tokoh wanita dan peserta yang diraikan pada hari ini. Kalian adalah bukti hidup bahawa potensi wanita Malaysia tidak ternilai — dan apabila potensi itu digilap dengan bimbingan, dedikasi dan integriti, ia mampu mengubah komuniti, membentuk dasar, dan mencorak masa depan negara. Semoga semangat PERANTIS ini terus menjadi cahaya yang menerangi laluan wanita-wanita Malaysia untuk tampil ke hadapan, dengan yakin, berani dan penuh impak.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat
14 April 2026